



## NEGERI PAHANG

### TAMBAHAN PERUNDANGAN

#### AKTA JALAN, PARIT DAN BANGUNAN 1974 Phg. P.U. 4/2000 UNDANG-UNDANG KECIL PASAR (MAJLIS DAERAH PEKAN) 2000

Tarikh Penyiaran:  
Tarikh mula berkuatkuasa:

13 Februari 2000  
1 Januari 1998

---

### SUSUNAN UNDANG-UNDANG KECIL

---

#### Mukadimah

- Undang-Undang Kecil 1. Nama pemakaian dan mula berkuat kuasa.
- Undang-Undang Kecil 2. Tafsiran
- Undang-Undang Kecil 3. Larangan ke atas pasar persendirian tanpa lesen.
- Undang-Undang Kecil 4. Kehendak-kehendak bangunan pasar persendirian.
- Undang-Undang Kecil 5. Kehendak-kehendak bagi daging dan ikan.
- Undang-Undang Kecil 6. Kehendak-kehendak bagi menjual makanan tidak halal (daging mentah dan minuman) tidak halal
- Undang-Undang Kecil 7. Bekalan Air.
- Undang-Undang Kecil 8. Kehendak-kehendak kebersihan.
- Undang-Undang Kecil 9. Terma dan syarat untuk mengeluarkan lesen pasar persendirian.
- Undang-Undang Kecil 10. Lesen gerai dikehendaki dalam pasar awam.
- Undang-Undang Kecil 11. Mempamerkan lesen.
- Undang-Undang Kecil 12. Tuan punya gerai hendaklah hadir.
- Undang-Undang Kecil 13. Perlantikan Nomini.
- Undang-Undang Kecil 14. Gerai tidak boleh diserahkan hak, dipajak, disewa atau disewa kecil.
- Undang-Undang Kecil 15. Peraturan tempat jualan.
- Undang-Undang Kecil 16. Tidak boleh membazir air.
- Undang-Undang Kecil 17. Penjualan makanan tidak berkhasiat dilarang.
- Undang-Undang Kecil 18. Sekitar gerai hendaklah dijaga kebersihannya.
- Undang-Undang Kecil 19. Membuang sampah.
- Undang-Undang Kecil 20. Halangan.
- Undang-Undang Kecil 21. Peredup dan perubahan.
- Undang-Undang Kecil 22. Menggunakan kereta beroda besi dilarang.

Undang-Undang Kecil 23. Membawa masuk kenderaan.  
Undang-Undang Kecil 24. Api.  
Undang-Undang Kecil 25. Menggunakan gerai secara salah.  
Undang-Undang Kecil 26. Kacauganggu.  
Undang-Undang Kecil 27. Meminta sedekah dan mendedahkan apa-apa kecacatan adalah dilarang.  
Undang-Undang Kecil 28. Orang-orang yang berpenyakit.  
Undang-Undang Kecil 29. Mengganggu pemasangan elektrik atau air.  
Undang-Undang Kecil 30. Kuasa untuk memeriksa.  
Undang-Undang Kecil 31. Kuasa untuk mengusir orang yang melanggar peraturan dan menahan pajakan.  
Undang-Undang Kecil 32. Pemasangan perkakas atau sambungan elektrik.  
Undang-Undang Kecil 33. Fi Lesen.  
Undang-Undang Kecil 34. Permohonan untuk mendapatkan lesen.  
Undang-Undang Kecil 35. Pemindahan gerai dan petak dan penggantian lesen.  
Undang-Undang Kecil 36. Bayaran perkhidmatan.  
Undang-Undang Kecil 37. Pengecualian oleh Majlis.  
Undang-Undang Kecil 38. Penalti.  
Undang-Undang Kecil 39. Pemansuhan.

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

## Mukadimah

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 73 Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171], Majlis Daerah Pekan membuat, dan menurut Seksyen 103 Akta tersebut Pihak berkuasa Negeri mengesahkan, undang-undang kecil yang berikut:

### 1. Nama pemakaian dan mula berkuat kuasa

(1) Undang-undang kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Pasar (Majlis Daerah Pekan) 2000** dan hendaklah dipakai hanya bagi kawasan Majlis Daerah Pekan.

(2) Undang-undang kecil ini hendaklah disifatkan telah mula berkuatkuasa pada 1 Januari 1998.

### 2. Tafsiran

Dalam Undang-Undang Kecil ini, melainkan jika konteksnya menghadapi makna yang lain—

“gerai” adalah termasuk sesuatu petak;

“Majlis” ertinya Majlis Daerah Pekan.

“pasar” ertinya sesuatu tempat awam yang biasanya digunakan untuk menjual haiwan atau daging, ikan, buah-buahan, sayur-sayuran atau lain-lain barang makanan mudah busuk untuk makanan manusia dan untuk menjual apa-apa pakaian atau lain-lain barang dagangan dan termasuklah semua tanah dan premis yang digunakan dengan apa-apa cara bersama-sama, berkenaan atau bersangkutan dengannya;

“pasar awam” ertinya sesuatu pasar yang dimiliki dipajakkan atau disenggara oleh Majlis;

“pasar persendirian” ertinya sesuatu pasar selain daripada pasar awam dan termasuklah pasar mini, pasar raya dan lain- lain premis yang menjalankan aktiviti- aktiviti pasar;

“petak” ertinya sesuatu ruang yang ditetapkan di dalam lingkungan kawasan sesuatu pasar dan digunakan untuk menjual apa-apa barangan Yang diluluskan oleh Majlis;

“tidak halal” ertinya jenis- jenis makanan dan minuman yang orang Islam dilarang untuk memakan dan meminumnya:

“tuan punya gerai” adalah sebutan mengenai seseorang yang dilesenkan oleh Majlis untuk menjual di dalam lingkungan kawasan sesuatu pasar awam atau pasar persendirian atau seseorang individu yang dibenarkan oleh pemegang lesen pasar persendirian untuk menjual di dalam lingkungan kawasan pasar persendirian itu dan dalam kedua- dua keadaan itu adalah termasuk orang yang bertanggungjawab ke atas gerai- gerai itu;

“Yang dipertua” ertinya Yang Dipertua Majlis dan termasuklah Timbalan Yang Dipertua.

### **3. Larangan ke atas pasar persendirian tanpa lesen.**

Tiada seorangpun boleh menubuhkan, mengelolakan atau menjalankan pasar persendirian di mana-mana tempat, pegangan atau bangunan tanpa mempunyai lesen yang dikeluarkan oleh Majlis di bawah Undang-Undang Kecil ini;

### **4. Kehendak-kehendak bangunan pasar persendirian.**

(1) Dinding pasar persendirian hendaklah cukup kemas dengan permukaannya licin yang boleh dibersihkan dengan mudah dan cepat tanpa apa-apa projeksi atau ceruk atau sudut yang mungkin mengumpul habuk.

(2) Lantai hendaklah diperbuat dari pada bahan kalis air yang kukuh dengan dikemas dan dicuramkan dengan licin supaya segala bendalir mudah mengalir ke parit.

(3) Parit hendaklah dibina daripada batu bata bergariskan simen yang elok dengan bahagian bawahnya berbentuk separa bulat atau daripada separuh paip tembikar bergerlis yang mana garispusatnya hendaklah tidak kurang daripada 15 sentimeter dan hendaklah cukup bilangannya serta cerunnya supaya dapat mengalirkan keluar segala air dan bendalir-bendalir lain.

(4) Lantai di tingkat-tingkat atas hendaklah sempurna dibina dengan menggunakan simen konkrit atau papan lantai bertanggam secara lain supaya kedap air.

### **5. Kehendak-kehendak bagi daging dan ikan.**

(1) Dalam mana-mana pasar persendirian di mana daging atau ikan dipotong, disiang, dicincang, disimpan, dipamerkan, atau didedahkan untuk dijual, dinding hendaklah dibina setinggi tidak kurang 180 sentimeter dari lantai yang permukaannya diperbuat daripada genting bergerlis atau batu-bata bergerlis atau lain-lain bahan kalis air sebagaimana yang diluluskan oleh Majlis.

(2) Semua meja, kaunter, bangku panjang atau petak peraga yang digunakan untuk mempamerkan apa-apa daging atau ikan untuk dijual hendaklah diliputi marmar, genting bergerlis, keluli tahan karat, aluminium, kaca atau apa-apa bahan yang diluluskan oleh Majlis.

(3) Penyangkuk untuk menggantung daging atau ikan yang dipamerkan untuk dijual hendaklah diletakkan sekurang-kurangnya 1 meter dari beranda atau kakilima dan hendaklah dari bahan kalis karat dan hendaklah ditukar apabila Majlis mengarahkan berbuat demikian.

(4) Peti sejuk, peti dingin beku atau pengokol dari sesuatu bentuk yang diluluskan hendaklah dipasang jika dikehendaki berbuat demikian oleh Majlis.

(5) Menyiang ayam-itik tidak boleh dijalankan di sesuatu pasar kecuali di dalam atau di tempat atau di tempat-tempat tertentu sebagaimana yang ditetapkan oleh Majlis tertakluk kepada apa-apa syarat yang dikenakan.

(6) Ayam-itik hidup yang dibawa masuk ke dalam pasar hendaklah disimpan dalam raga plastik atau raga logam sebagaimana yang ditetapkan oleh Majlis.

## **6. Kehendak-kehendak bagi menjual makanan tidak halal (daging mentah) dan minuman tidak halal.**

Pemegang lesen sesuatu pasar persendirian atau pemegang lesen sesuatu gerai atau petak di sesuatu pasar awam hendaklah mematuhi kehendak-kehendak yang berikut:

- (a) makanan–makanan (daging mentah) yang tidak halal hendaklah ditempatkan di kompartmen berasingan yang diluluskan oleh Majlis khas untuk makanan-makanan tidak halal (daging mentah) sahaja dan hendaklah mempunyai sistem peredaran udara berasingan yang mana tidak akan menimbulkan apa-apa gangguan bau kepada orang ramai.;
- (b) tempat-tempat di mana makanan-makanan tidak halal (daging mentah) diletakkan hendaklah tersorok dan tidak nampak pada pandangan atau penglihatan orang ramai;
- (c) tempat laluan masuk menuju ke kompartmen makanan tidak halal (daging mentah) hendaklah diasingkan daripada tempat laluan biasa yang digunakan oleh orang ramai;
- (d) kaunter-kaunter bayaran bagi makanan tidak halal (daging mentah) hendaklah ditempatkan di kompartmen makanan-makanan tidak halal (daging mentah) yang direka khas untuk tujuan tersebut sahaja; dan
- (e) semua minuman dan makanan dalam tin dan minuman dalam botol yang orang islam dilarang memakan dan meminumnya hendaklah diletakkan di atas rak yang berasingan yang di atasnya perkataan-perkataan “MAKANAN TIDAK HALAL” atau “MINUMAN TIDAK HALAL” hendaklah ditulis secara jelas dan terang.

## **7. Bekalan Air.**

Bekalan air yang bersih dan menyegarkan hendaklah sentiasa ada di premis yang mana hendaklah didapati dari bekalan air awam atau dari sumber lain sebagaimana diluluskan oleh Majlis.

## **8. Kehendak-kehendak kebersihan.**

Pemegang lesen sesuatu pasar persendirian atau pemegang lesen sesuatu gerai atau petak disesuatu pasar awam hendaklah mematuhi kehendak-kehendak yang berikut:

- (a) pada bila-bila masa diarahkan oleh Majlis dalam hal sesuatu pasar persendirian dan pasar awam hendaklah dikeluarkan daripada premis berlesen itu semua barang mudah alih dan keseluruhan premis itu dibersihkan dicatkan atau disapu kapur, dan segala pembaikan yang perlu hendaklah dibuat terhadap premis itu;
- (b) semua makanan sama ada yang bertujuan untuk dijual atau tidak hendaklah berada dalam keadaan bersih dan dilindungi dengan berkesan daripada lalat, vermin, serangga, habuk, kotoran atau lain-lain zat, bahan atau benda yang merosakkan;
- (c) semua perkakas dan pemasangan yang digunakan di premis itu hendaklah berada dalam keadaan bersih dan bebas daripada apa-apa deposit berbahaya kecemaran;
- (d) tiada apa-apa barang dari jenis alatan tidur atau pakaian boleh digantung atau disimpan dalam mana-mana bahagian pasar selain dari di kawasan yang disediakan khas untuk tujuan itu;

(e) menyimpan makanan, sama ada dimasak atau dimasak, dalam keadaan kemas dan bersih supaya ia tidak dihindangi lalat, vermin, serangga, kotoran, habuk atau lain-lain zat, bahan atau benda yang merosakkan;

(f) membungkus segala makanan untuk pelanggan dengan kertas pembungkus khas atau lain-lain bahan yang bersih dan tidak tercemar dengan apa jua cara;

(g) menyimpan segala perkakas dan alat yang digunakan berkaitan dengan perniagaannya supaya bersih dan tidak tercemar dengan apa jua cara;

(h) menanggung diri dan pakaiannya dan pembantu-pembantunya supaya berada dalam keadaan bersih; dan

(i) mengecat gerainya seberapa kerap yang diarahkan oleh Majlis.

## **9. Terma dan syarat untuk mengeluarkan lesen pasar persendirian.**

(1) Mengenai sesuatu pasar persendirian, Majlis boleh menetapkan:

(a) bilangan maksimum gerai, petak atau lot yang boleh didirikan atau diuntukkan dalam pasar persendirian;

(b) kedudukan di dalam lingkungan kawasan pasar persendirian itu di mana gerai atau petak itu boleh didirikan atau ditandakan;

(c) jenis makanan yang dimasak atau tidak dimasak, minuman atau barang-barang yang dijual atau yang akan dijual dalam tiap-tiap seksyen atau bahagian pasar persendirian itu; dan

(d) apa-apa kehendak lain sebagaimana yang difikirkan perlu oleh Majlis.

(2) Majlis boleh mengeluarkan lesen bagi pasar persendirian atas apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang difikirkan yang difikirkan patut.

## **10. Lesen gerai dikehendaki dalam pasar awam.**

10. Tiada seorangpun boleh menjual atau mendedahkan atau menyimpan untuk dijual haiwan atau daging, ikan ayam-itik, buah-buahan, sayur-sayuran atau lain-lain barang makanan mudah busuk untuk makanan manusia, atau apa-apa pakaian, dagangan atau lain-lain barang di mana-mana pasar awam kecuali dalam gerai atau petak yang baginya lesen telah diberi oleh Majlis.

## **11. Mempamerkan lesen.**

Seseorang pemegang lesen:

(a) sesuatu pasar persendirian hendaklah pada setiap masa mempamerkan lesennya dibahagian yang mudah dilihat di premisnya; dan

(b) sesuatu petak dalam sesuatu pasar awam hendaklah menyimpan lesen itu sendiri atau di suatu tempat yang membolehkannya menunjukkan lesen itu apabila diminta.

## **12. Tuan punya gerai hendaklah hadir.**

Seseorang tuan punya gerai di sesuatu di kawasan pasar:

(a) hendaklah pada setiap masa berada dan menjalankan atau mengawasi penjualan di gerai atau petaknya melainkan jika dia tidak dapat berbuat demikian oleh kerana sesuatu sebab yang munasabah; dan

(b) boleh dengan kebenaran Majlis secara bertulis, mengambil pekerja seorang pembantu yang diberi kuasa yang nama dan gambarnya hendaklah diletakkan pada lesen di sebelah bawah nama dan gambar pemegang lesen, tuan punya gerai itu adalah bertanggungjawab atas tindakan pembantunya dan hendaklah berada sendiri di gerai itu dari pukul 8.00 pagi hingga 12.00 tengahari.

## **13. Perlantikan Nomini.**

(1) Jika seseorang tuan punya gerai di sesuatu pasar awam meninggalkan kawasan Majlis selama tempoh tiga puluh hari berturut-turut atau lebih dia hendaklah melantik seorang nomini menggantikannya dengan mendapat kelulusan secara bertulis terlebih dahulu daripada Majlis. Apa-apa kelulusan di bawah undang-undang kecil ini tidak boleh melebihi tempoh yang ditetapkan oleh Majlis.

(2) Fee sebanyak sepuluh ringgit hendaklah kena dibayar oleh tuan punya gerai bagi perlantikan seorang nomini

## **14. Gerai tidak boleh diserahkan hak, dipajak, disewa atau disewa kecil.**

Seseorang tuan punya gerai tidak boleh menyerahkan hak, memajak, menyewa atau menyewa kecil gerainya.

## **15. Peraturan tempat jualan.**

Majlis mengenai sesuatu pasar awam dan seseorang pemegang lesen pasar persendirian boleh membahagi-bahagikan bahagian atau pecahan yang berlainan pasar awam atau pasar persendirian, mengikut mana yang berkenaan, untuk menjual berbagai jenis makanan yang dimasak atau tidak dimasak, minuman, benda atau barang-barang, dan tiada seorangpun boleh mempamer untuk dijual atau menjual apa-apa makanan, minuman, benda atau barang-barang di tempat lain selain dalam bahagian atau pecahan yang telah diasingkan untuk menjual makanan, minuman, benda atau barang-barang itu.

## **16. Tidak boleh membazir air.**

Jika bekalan air disediakan dalam mana-mana pasar awam, tiada seseorang pun boleh membazir air, dan semua orang hendaklah mematuhi arahan sebagaimana yang diberi oleh Majlis.

### **17. Penjualan makanan tidak berkhasiat dilarang.**

(1) Tiada seorangpun boleh mempamerkan atau menawarkan untuk dijual atau menjual di mana-mana pasar apa-apa benda makanan atau minuman yang tidak berkhasiat untuk makanan manusia.

(2) Yang Dipertua atau Pegawai Kesihatan atau mana-mana orang lain yang diberi kuasa oleh Majlis boleh menyita, menyiasat atau memeriksa mana-mana binatang, burung, daging dan ikan yang berpenyakit, atau buah-buahan, sayu-sayuran dan lain-lain barang makanan atau minuman yang tidak berkhasiat atau tidak layak untuk dimakan oleh manusia dan boleh memerintah barang-barang itu dimusnahkan jika difikirkannya patut.

### **18. Sekitar gerai hendaklah dijaga kebersihannya.**

Tiap-tiap tuan punya gerai hendaklah menjaga jalan raya, jalan lain atau ruang di hadapan, di belakang atau di tepi gerai atau petaknya dan di sekitarnya supaya berada dalam keadaan bersih dengan memuaskan hati Majlis.

### **19. Membuang sampah.**

(1) Tiap-tiap tuan punya gerai hendaklah mengadakan dan menyenggara secara teratur berkenaan dengan gerainya sejumlah tong sampah yang mencukupi yang bertutup dan baik dari corak dan bahan yang diluruskan oleh Majlis.

(2) Tiada seorang pun tuan punya gerai atau lain-lain orang boleh meletak atau menyebabkan atau membenarkan diletak apa-apa sampah sarap, sampah, kotoran atau menjalankan perniagaannya dimana-mana tempat selain tong sampah.

(3) Segala sampah hendaklah dimasukkan ke dalam beg palstik atau lain-lain bekas yang ringan sebagaimana diluluskan oleh Majlis, sebelum diletakkan dalam tong sampah.

(4) Tiap-tiap tuan punya gerai hendaklah memastikan segala sampah yang dikumpul semasa menjalankan perniagaannya diletakkan dari masa ke semasa di tempat yang disediakan untuk maksud itu.

(5) Tiada seorangpun tuan punya gerai boleh menyebabkan atau membenarkan dimasukkan, ditumpah, ditaburkan atau dibuang apa-apa darah, air garam, cecair buangan atau lain-lain bahan busuk ke dalam mana-mana longkang atau ke atas lantai pasar kecuali di tempat-tempat yang ditetapkan bagi maksud itu oleh Majlis.

(6) Jika, dalam mana-mana prosiding kerana pelanggaran terhadap peruntukan-peruntukan undang-undang kecil ini, dibuktikan bahawa apa-apa sampah sarap, sampah, kotoran atau lain-lain bahan atau benda telah tidak diletakkan dalam tong sampah, tetapi di dalam atau di atas mana-mana lorong laluan, longkang, halaman atau lain-lain tempat di hadapan, di belakang @ di tepi gerai @ petak maka hendaklah dianggarkan, sehingga dibuktikan sebaliknya, bahawa ia telah diletakkan di dalamnya atau di atasnya oleh atau dengan kebenaran, tuan punya gerai yang gerai atau petaknya terletak terdekat sekali dengan sampah-sarap, sampah, kekotoran atau lain-lain bahan atau benda itu.



## **20. Halangan.**

Tiada seorangpun tuan punya gerai dalam sesuatu pasar awam boleh—

(a) meletak, mendirikan atau menempatkan gerai atau petaknya melebihi had-had yang diuntukkan baginya, dan tiada pelindung-panas atau penutup boleh melebihi 30 sentimeter dari gerai atau petak itu melainkan diluluskan oleh Majlis secara bertulis;

(b) menyebabkan atau membenarkan mana-mana barang, barang dagangan atau lain-lain barang, alat atau benda yang berkaitan dengan perniagaannya diletak, dipamer, didedah atau ditawarkan untuk dijual di atas mana-mana tangga, lorong, jalan lalu atau jalan tembus pasar atau disebelah atas, di atas atau merintang mana-mana parit atau sebahagian daripadanya.

(c) menyebabkan atau membenarkan barang dagangan, barang atau lain-lain barang, alat atau benda yang berkaitan dengan perniagaannya menganjur keluar melebihi had gerai atau petak yang diuntukkan kepadanya;

(d) menyebabkan sesuatu halangan dalam suatu pasar atau di atas mana-mana lebu, jalan lalu atau jalan masuk ke sesuatu pasar dengan apa-apa kenderaan, barang, kotak, bakul, kereta sorong atau lain-lain benda ; dan

(e) mendirikan apa-apa kotak, tetingkat, para atau lain-lain rangka bina di gerai atau di petaknya yang tingginya melebihi 2.4 meter dari paras bumi, atau menimbun atau menyusun barang-barang, kotak, bakul, bungkusan atau lain-lain benda di atas gerai atau petak melebihi paras tinggi tersebut itu.

## **21. Peredup dan perubahan.**

Tiada seorangpun boleh mendirikan apa-apa peredup, pelindung atau sekatan atau membuat apa-apa perubahan atau tambahan kepada sesuatu gerai di dalam lingkungan kawasan sesuatu pasar awam tanpa persetujuan bertulis daripada Majlis.

## **22. Menggunakan kereta beroda besi dilarang.**

Tiada seorangpun boleh menggunakan sesuatu kereta tolak atau troli beroda besi bagi maksud mengangkut barang di dalam lingkungan kawasan sesuatu pasar malam.

## **23. Membawa masuk kenderaan.**

Tiada seorangpun boleh memandu sesuatu kenderaan motor atau membawa basikal masuk ke dalam sesuatu pasar awam melainkan jika dibenarkan secara bertulis oleh Majlis.

## **24. Api.**

Api tidak boleh dinyalakan dan memasak atau merebus tidak boleh dilakukan di dalam sesuatu pasar, kecuali di tempat atau tempat-tempat sebagaimana yang ditetapkan oleh Majlis tertakluk kepada apa-apa syarat yang dikenakan olehnya.

## **25. Menggunakan gerai secara salah.**

Tiada seorangpun boleh duduk, berdiri, baring atau tidur di atas sesuatu gerai dalam sesuatu pasar.

## **26. Kacauganggu.**

Tiada seorangpun boleh dalam sesuatu pasar:

(a) melakukan kacauganggu;

(b) meludah keatas lantai, gerai, atau lain-lain bahagian pasar;

(c) membuang apa-apa sayur-sayuran, najis binatang, sisa-sisa, sampah sarap, atau lain-lain bahan atau benda busuk ke atas sesuatu gerai, jalan raya, jalan lain, tangga atau mana-mana bahagian pasar kecuali ke dalam tong sampah atau bekas sampah; dan

(d) membela anjing atau lain-lain binatang, atau membawa anjing atau lain-lain binatang sama ada berikat atau tidak ke dalam pasar, atau dengan sengaja membiarkan atau membenarkan ke dalam pasar.

## **27. Meminta sedekah dan mendedahkan apa-apa kecacatan adalah dilarang.**

Tiada seorangpun boleh mengemis atau meminta sedekah atau mendedahkan atau mempamerkan apa-apa luka, penyakit atau kecacatan pada tubuh badan di sesuatu pasar. Pegawai-pegawai Majlis hendaklah menghalau orang-orang itu daripada pasar, dan orang yang berpenyakit atau berkenaan sedemikian itu tidak boleh mengambil bahagian atau membantu dalam apa-apa perniagaan di dalamnya.

## **28. Orang-orang yang berpenyakit.**

Tiada seorang pun diketahui mengidap penyakit merebak atau berjangkit atau membawa jangkitan apa-apa penyakit boleh mengambil bahagian dalam penyediaan atau penjualan makanan dalam sesuatu pasar; dan seseorang yang mengambil bahagian sedemikian itu hendaklah, jika dikehendaki berbuat demikian oleh Majlis, menjalani pemeriksaan perubatan.

## **29. Mengganggu pemasangan elektrik atau air**

Tiada seorangpun boleh mengubah atau mengganggu sesuatu pemasangan elektrik atau air dalam sesuatu pasar awam.

## **30. Kuasa untuk memeriksa.**

Tiada seorangpun boleh menghalang seseorang pegawai berkuasa Majlis daripada memasuki atau memeriksa mana-mana bahagian sesuatu pasar pada bila-bila masa.

### **31. Kuasa untuk mengusir orang yang melanggar peraturan dan menahan pajakan.**

Majlis boleh mengusir atau menyebabkan diusir daripada sesuatu pasar awam mana-mana orang atau orang suruhannya yang telah disabitkan atas sesuatu kesalahan atau kerana mengingkari mana-mana undang-undang kecil berhubung dengan pasar dan boleh menghalang orang itu atau orang suruhannya daripada menjalankan apa-apa lagi tred atau perniagaan dalam pasar itu atau menduduki mana-mana gerai, kedai atau lain-lain tempat di dalamnya, dan boleh menamatkan apa-apa pajakan atau tempoh pemegangan yang dimiliki oleh orang itu mengenai sesuatu gerai, kedai atau lain-lain tempat itu.

### **32. Pemasangan perkakas atau sambungan elektrik.**

Tiada apa jua perkakas atau sambungan elektrik boleh dipasang atau disambung oleh seseorang tuan punya gerai dalam sesuatu pasar awam tanpa mendapat kebenaran Majlis secara bertulis terlebih dahulu. Tuan punya gerai hendaklah menanggung segala kos perbelanjaan mengenai penyambungan, pendawaian atau pemasangan itu dan hendaklah membayar segala caj elektrik sebagaimana yang ditetapkan oleh Majlis.

### **33. Fi Lesen.**

Fi kena dibayar bagi lesen gerai pasar awam hendaklah sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Pertama. Fee kena dibayar bagi pasar persendirian hendaklah sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Kedua:

Dengan syarat bahawa Majlis boleh menurut budibicaranya yang mutlak mengurangkan fee lesen mana-mana premis dengan tidak lebih daripada setengah kadar yang ditetapkan untuk jenis-jenis perniagaan yang berkenaan, jika pada pendapatnya adalah patut dikurangkan.

### **34. Permohonan untuk mendapatkan lesen.**

(1) Tiap-tiap permohonan untuk mendapatkan lesen hendaklah dibuat secara bertulis kepada Majlis dalam borang yang ditetapkan oleh Majlis.

(2) Majlis boleh menghendaki mana-mana pemohon untuk pengeluaran atau pembaharuan lesen supaya hadir sendiri atau, bagi sesuatu perbadanan atau firma, menghendaki seorang wakil yang diberi kuasa oleh perbadanan atau firma itu supaya hadir, semasa lesen dikeluarkan atau di baharui.

### **35. Pemindahan gerai dan petak dan penggantian lesen.**

Dalam keadaan di mana Majlis membenarkan pemindahan sesuatu gerai atau petak dalam sesuatu pasar awam fee yang kena dibayar adalah dua puluh ringgit. Dalam keadaan di mana lesen digantikan oleh kerana kehilangan atau kerosakan lesen asal, fee yang kena dibayar adalah tiga puluh ringgit.

### **36. Bayaran perkhidmatan.**

Majlis boleh melevi apa-apa bayaran, caj atau fee bagi apa-apa perkhidmatan berkaitan dengan pengendalian pasar, yang diberikan oleh Majlis.

### **37. Pengecualian oleh Majlis.**

Majlis boleh dengan bersyarat atau tanpa syarat mengecualikan mana-mana orang daripada mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini.

### **38. Penalti.**

Mana-mana orang yang melanggar mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini adalah melakukan satu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau denda dan penjara itu kedua-duanya dan juga denda seterusnya yang tidak melebihi dua ratus ringgit bagi tiap-tiap hari kesalahan itu berterusan setelah disabitkan.

### **39. Pemansuhan.**

Undang-undang Kecil Penubuhan dan Peraturan pasar daripada undang-undang kecil 92 hingga 114A adalah dimansuhkan [G. N. 220/07].

JADUAL PERTAMA  
(Undang-Undang Kecil 33)  
FI LESEN GERAI PASAR AWAM

Jenis Gerai	<i>Barang Yang Dijual</i>	<i>Kadar Setahun (RM)</i>
Gerai pasar	(a) Ikan Basah	120.00
	(b) Ikan Kering	120.00
	(c) Daging Lembu	120.00
	(d) Daging Kambing	120.00
	(e) Babi mentah	120.00
	(f) Babi Panggang	120.00
	(g) Ayam dan itik	120.00
	(h) Ayam dan Itik Rebus	120.00
	(i) Anak Ayam dan Itik	120.00
	(j) Sayur A	120.00
	(k) Sayur B	120.00
	(l) Buah-Buahan	120.00
	(m) Mee dan Bebola Ikan	90.00
	(n) Runcit	90.00
	(o) Makan	90.00
	(p) Serbuk kopi	90.00
	(q) Menjaja di dalam lingkungan kawasan pasar	90.00
(r) Pelbagai	90.00	
2. Petak Borong	(a) Ikan	200.00
	(b) Sayur A	200.00
	(c) Sayur B	200.00
	(d) Buah-Buahan	200.00

	(e) Mee dan Bebola Ikan	200.00
	(f) Pelbagai	200.00
3.Ais	(a) ketul Ais	200.00

## JADUAL KEDUA

(Undang-Undang Kecil 33)

### FI LESEN PASAR PERSENDIRIAN/PASAR RAYA/PASAR MINI

<i>Kategori Pasar</i>	<i>Jenis Gerai</i>	<i>Kadar Sebuah Gerai Sebulan RM</i>
A.1 Pasar Persendirian	(a) Gerai ikan basah	20.00
	(i) Luas lantai sehingga 11 meter persegi	
	(ii) Bagi tiap-tiap satu meter persegi tambahan	10.00
	(b) Gerai ikan kering	
	(i) Luas lantai sehingga 11 meter persegi	20.00
	(ii) Bagi tiap-tiap satu meter persegi tambahan	10.00
	(c) Daging Lembu	
	(i) Luas lantai sehingga 11 meter persegi	40.00
	(ii) Bagi tiap-tiap satu meter persegi tambahan	20.00
	(d) Daging Kambing	
	(i) Luas lantai sehingga 11 meter persegi	40.00
	(ii) Bagi tiap-tiap satu meter persegi tambahan	20.00
	(e) Babi Mentah	
	(i) Luas lantai sehingga 11 meter persegi	40.00
(ii) Bagi tiap-tiap satu meter persegi tambahan	20.00	
(f) Babi Panggang		
(i) Luas lantai sehingga 11 meter persegi	40.00	

(ii) Bagi tiap-tiap satu meter persegi tambahan	20.00
<i>(g) Ayam dan Itik</i>	
(i) Luas lantai sehingga 11 meter persegi	40.00
(ii) Bagi tiap-tiap satu meter persegi tambahan	20.00
<i>(h) Ayam dan Itik rebus</i>	
(i) Luas lantai sehingga 11 meter persegi	40.00
(ii) Bagi tiap-tiap satu meter persegi tambahan	20.00
<i>(i) Anak ayam dan itik</i>	
(i) Luas lantai sehingga 11 meter persegi	40.00
(ii) Bagi tiap-tiap satu meter persegi tambahan	20.00
<i>(j) Sayur A</i>	
(i) Luas lantai sehingga 11 meter persegi	20.00
(ii) Bagi tiap-tiap satu meter persegi tambahan	5.00
<i>(k) Sayur B</i>	
(i) Luas lantai sehingga 11 meter persegi	20.00
(ii) Bagi tiap-tiap satu meter persegi tambahan	5.00
<i>(l) Mee dan bebola ikan</i>	
(i) Luas lantai sehingga 11 meter persegi	20.00
(ii) Bagi tiap-tiap satu meter persegi tambahan	5.00
<i>(m) Buah-Buahan</i>	
(i) Luas lantai sehingga 11 meter persegi	20.00



	(ii) Bagi tiap-tiap satu meter persegi tambahan	5.00
	(n) Runcit	
	(i) Luas lantai sehingga 11 meter persegi	20.00
	(ii) Bagi tiap-tiap satu meter persegi tambahan	5.00
	(o) Makan	
	(i) Luas lantai sehingga 11 meter persegi	40.00
	(ii) Bagi tiap-tiap satu meter persegi tambahan	20.00
	(p) Serbuk kopi	
	(i) Luas lantai sehingga 11 meter persegi	20.00
	(ii) Bagi tiap-tiap satu meter persegi tambahan	5.00
	(q) Menjaja dalam lingkungan kawasan pasar	
	(i) Luas lantai sehingga 11 meter persegi	30.0
	(ii) Bagi tiap-tiap satu meter persegi tambahan	10.00
	(r) Pelbagai	
	(i) Luas lantai sehingga 11 meter persegi	20.00
	(ii) Bagi tiap-tiap satu meter persegi tambahan	5.00
2. Petak Borong	(a) Ikan	
	(i) Luas lantai sehingga 11 meter persegi	30.00
	(ii) Bagi tiap-tiap satu meter persegi tambahan	10.00
	(b) Sayur A	
	(i) Luas lantai sehingga 11 meter persegi	30.00

	(ii) Bagi tiap-tiap satu meter persegi tambahan	10.00
	(c) Sayur B	
	(i) Luas lantai sehingga 11 meter persegi	30.00
	(ii) Bagi tiap-tiap satu meter persegi tambahan	10.00
	(d) Buah-Buahan	
	(i) luas lantai sehingga 11 meter persegi	30.00
	(ii) Bagi tiap-tiap satu meter persegi tambahan	10.00
	(e) Mee dan bebola ikan	
	(i) Luas lantai sehingga 11 meter persegi	30.00
	(ii) Bagi tiap-tiap satu meter persegi tambahan	10.00
3.Ais	(a) Ketul ais	
	(i) Luas lantai sehingga 11 meter persegi	40.00
	(ii) Bagi tiap-tiap satu meter persegi tambahan	20.00
B. Pasar Raya		
	(i) Luas lantai sehingga 186 meter persegi	RM1,000/setahun
	(ii) Luas lantai sehingga 186 meter persegi sehingga 278 meter persegi	RM1,500/setahun
	(iii) Luas lantai sehingga 278 meter persegi sehingga 370 meter persegi	RM2,000/setahun
	(iv) Luas lantai melebihi 370 meter persegi	RM3,000/setahun
C. Pasar Mini		
	(i) Luas lantai sehingga 74 meter persegi	RM250/setahun

- |   |                 |
|---|-----------------|
| (ii) Luas lantai sehingga 74 meter persegi sehingga 148 meter persegi   | RM600/setahun   |
| (iii) Luas lantai sehingga 148 meter persegi sehingga 186 meter persegi | RM1,000/setahun |
| (iv) Membungkus makanan /ikan /daging /sayur/buah-buahan                | RM120/setahun   |

Diperbuat 7 Oktober 1994

ABDUL MALEK BIN HAJI ABDUL MAJID,  
*Yang Diperbuat,*  
*Majlis Daerah Pekan*

Disahkan 24 Mei 1995.  
[SUK. Phg. (KT) 5602 SJ. 2]

MOHD NOOR BIN ABDUL RANI,  
*Setiausaha,*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan Pahang*